

PENDEKATAN ISLAM HADHARI DAN PILIHAN RAYA UMUM KE-12

Mohammad Redzuan Othman

Abstract

The 12th Malaysian General Election on 8 March 2008 ended with the ruling National Front suffering a rather humiliating defeat that the coalition never experienced before. Many factors have been discussed and reasons given for the unprecedented outcome of the election. In the 11th Malaysian General Election in 2004 one of the important elements incorporated in the National Front's election manifesto was the implementation of the approach of Islam Hadhari. In that election the coalition, particularly UMNO managed to win the election with a resounding victory, even taking over Terengganu from PAS. When National Front suffered the setbacks in 2008 some believed that it was contributed by the Approach of Islam Hadhari which was rejected by the voters. Based on the feedbacks taken from 3, 443 respondents in a fieldwork survey conducted in May – July 2008 it was found that the Malays were equally divided between those who believed this was the contributing factor and otherwise. Similarly, the survey also shows that a bigger percentage of the respondents believe that the approach will only be implemented during Abdullah Ahmad Badawi's administration and the approach would not be that relevant after the Malaysian 12th General Election.

Pendahuluan

Pilihan Raya Umum Ke-12 yang diadakan pada 8 Mac 2008 berakhir dengan keputusan yang bakal mencorakkan politik Malaysia pada masa akan datang. Walaupun Barisan Nasional berjaya memenangi 140 kerusi daripada 222 kerusi yang dipertandingkan, namun untuk pertama kalinya sejak Pilihan raya Persekutuan Pertama pada tahun 1955, parti yang diterajui oleh UMNO gagal memperoleh majoriti kerusi dua pertiga di dewan rakyat. Parti pembangkang,

iaitu Barisan Rakyat (kini dikenali sebagai Pakatan Rakyat) berjaya mencapai kejayaan di luar jangkaan apabila PKR berjaya memenangi 31 kerusi parlimen, diikuti dengan DAP 28 dan PAS 23.

Dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 ini, parti pembangkang bukan sahaja berjaya menafikan Barisan Nasional daripada mengulangi kejayaan besar yang dicapai dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 pada tahun 2004, dan malahan berjaya menguasai empat buah negeri. Pada waktu yang sama Kelantan terus diperintah oleh PAS yang telah menguasai negeri itu sejak tahun 1990. Dengan kemenangan yang dicapai, Pakatan Rakyat berjaya membentuk kerajaan di Pulau Pinang (kerajaan campuran DAP-PKR yang diterajui DAP) di Kedah (kerajaan campuran PAS-PKR yang diterajui PAS), di Selangor (kerajaan campuran PKR-DAP-PAS yang diterajui PKR) dan di Perak (Kerajaan campuran PAS-DAP-PKR yang diterajui PAS).¹

Prestasi buruk yang dicapai Barisan Nasional dalam pilihan raya kali ini telah memberikan implikasi serius kepada situasi politik negara, khususnya yang berhubungkait dengan kepimpinan Barisan Nasional dan dasar-dasar kerajaan. Parti-parti utama komponen Barisan Nasional seperti UMNO,² MCA,³ MIC⁴ dan Gerakan⁵ terpaksa berhadapan dengan krisis dalaman yang hebat apabila wujudnya desakan daripada ahli parti masing-masing agar presiden parti meletakkan jawatan sebagai mengambil tanggungjawab di atas kemerosotan prestasi yang berlaku.⁶

Di pihak yang lain, parti pembangkang yang mencapai kemenangan besar telah meningkatkan tekanan politik mereka ke atas parti pemerintah bagi membolehkan kerajaan Barisan Nasional ditumbangkan. Penubuhan Pakatan Rakyat yang disertai oleh PKR, DAP dan PAS merupakan langkah parti pembangkang bagi merealisasikan matlamat ini.⁷ Pada waktu yang sama, Pakatan Rakyat yang meyakini bahawa mereka sudah diterima baik oleh rakyat juga turut melakukan usaha agresif yang mampu menggugat dominasi Barisan Nasional yang kedudukannya hampir tidak tercabar selama ini.⁸

Banyak faktor telah dibincangkan tentang mengapa Barisan Nasional mengalami nasib yang buruk dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Terdapat pandangan yang antara lain menyalahkan Pendekatan Islam Hadhari sebagai penyumbang kepada kekalahan yang dialami Barisan Nasional dalam pilihan raya ini. Dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 Barisan Nasional yang meletakkan Pelaksanaan Islam Hadhari sebagai salah satu agenda dalam manifesto pilihan rayanya telah membolehkan parti tersebut berjaya mencapai kejayaan besar. Ketika dilancarkan, pendekatan telah diterima dengan penuh harapan apabila manifesto pilihan raya Pendekatan Islam Hadhari dihubungkan pelaksanaannya bagi membina tamadun Malaysia berteraskan Islam mengikut acuannya yang tersendiri.

Ternyata dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 ini gabungan di antara isu Pendekatan Islam Hadhari dan kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia dengan imej

bersih telah membolehkan Barisan Nasional dan UMNO berjaya meraih kemenangan besar. Malahan UMNO Terengganu yang menggunakan slogan "Islam Hadhari, Terengganu Bistari" telah berjaya merampas kembali pentadbiran negeri tersebut dari tangan PAS. Dalam pilihan raya ini PAS yang berjaya mengambil alih pemerintahan Terengganu berikutan protes pengundi Melayu terhadap pemecatan dan layanan yang diberikan kepada mantan Timbalan Perdana Menteri, iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim berjaya ditewaskan dengan teruk apabila hanya berjaya mengekalkan empat kerusi dewan undangan negeri dan gagal mempertahankan kesemua kerusi parlimen yang dimenangi sebelum ini.⁹

Setelah empat tahun Islam Hadhari dilaksanakan, Barisan Nasional menghadapi Pilihan Raya Umum ke-12 dengan pelaksanaannya yang banyak menimbulkan polemik. Seperti dalam Pilihan Raya Umum Ke-11, UMNO khususnya masih menggunakan isu ini sebagai bahan kempen pilihan raya, walaupun pada skala yang jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan Pilihan Raya Umum Ke-11.¹⁰ Berdasarkan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12, pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Malaysia berhadapan dengan dilema, terutamanya di negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat, iaitu Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Selain itu, nasib masa depan Pelaksanaan Islam Hadhari juga turut menimbulkan persoalan memandangkan pelaksanaannya berkait erat dengan kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Latar Belakang Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari

Idea yang mencetuskan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari mempunyai kaitan yang erat dengan konsep pemikiran tentang perkembangan tamadun Islam dan hubungkaitnya dengan persoalan mutakhir yang berlaku di Malaysia dan dunia Islam pada awal tahun 2000-an. Sebagai sebuah konsep, idea ini telah dibincangkan dalam "Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadhari/ Tamadun Islam Peringkat Kebangsaan" yang diadakan pada tahun 2002. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia.¹¹

Walau bagaimanapun, konsep yang dibincangkan tidak membawa kepada pelaksanaan yang terancang kerana tidak ada tindakan susulan yang berkesan yang dilakukan selepas itu. Namun begitu, setelah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 pada 31 Oktober 2005, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menjadikan Pendekatan Islam Hadhari sebagai agenda peribadi yang cuba dilaksanakan sebagai agenda negara. Kebetulan ketika agenda ini dibincangkan, Malaysia berada dalam suasana menghadapi pilihan raya umum sehingga mendorong Barisan Nasional menjadikan agenda ini sebagai sebahagian manifesto pilihan raya. Disebabkan kecenderungan politiknya yang amat ketara Haji Abdul Hadi Awang, iaitu Presiden PAS, telah menerbitkan sebuah buku berjudul "Hadharah Islamiyyah bukan Islam

Hadhari". bagi menyanggah dan menolak pendekatan Islam Hadhari sebagai landasan membina tamadun ummah yang diuar-uarkan oleh kerajaan.¹²

Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan secara rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika berucap dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-55 pada 23 September 2003. Dalam ucapannya untuk kali pertama sebagai pemimpin nombor satu UMNO, beliau tidak sekadar memperkenalkan pendekatan ini kepada perwakilan dan pemerhati yang hadir, dan malahan turut menghuraikan sepuluh prinsip yang terkandung di dalam Pelaksanaan Islam Hadhari. Sebagai seorang pemimpin yang baru dilantik menerajui negara Pendekatan Islam Hadhari telah dijadikan landasan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memperkenalkan nilai-nilai Islam yang universal. Dengan pendekatannya beliau berhasrat menjadikan Malaysia sebagai model bagi membangunkan masyarakat yang berteraskan tamadun Islam melalui pembangunan modal insan yang terancang. Di peringkat antarabangsa pula, sebagai pengerusi OIC, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menggunakan pelbagai kesempatan bagi memperkenalkan Pendekatan Islam Hadhari kepada negara anggota pertubuhan Islam tersebut sebagai satu wahana untuk penyelesaian pelbagai masalah yang sedang melanda dunia Islam pada ketika ini.¹³

Pelancaran Pelaksanaan Islam Hadhari yang dibuat sebaik-baik sahaja Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambilalih pentadbiran negara dan menjelang pilihan raya, dianggap sebagai satu pendekatan atau strategi politik untuk memenangi semula sokongan pengundi Melayu. Strategi ini diharap dapat mengembalikan sokongan orang Melayu kepada UMNO yang mengalami kemerosotan pada pilihan raya tahun 1999 selepas berlakunya peristiwa pemecatan dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1998. Lantaran itu, Pendekatan Islam Hadhari dilihat sebagai cenderung kepada tujuan semerta bagi mencapai matlamat politik bagi memenangi pilihan raya daripada mencapai matlamat prinsip yang digariskan.¹⁴ Wajah politik Islam Hadhari yang ingin dilaksanakan itu dilihat semakin ketara, terutamanya oleh mereka yang kritikal terhadap pelaksanaannya. Ini ditambah pula apabila idea-idea yang dikemukakan dianggap masih kabur dan tidak menawarkan paradigma baru yang istimewa, tetapi sebaliknya pendekatan tersebut sengaja diperbesarkan menjelang detik-detik hampirnya pilihan raya umum.¹⁵

Walaupun dengan kritikan yang dilemparkan, terutamanya oleh parti pembangkang, namun hasilnya jelas menunjukkan bahawa UMNO sebagai parti dominan dalam Barisan Nasional berjaya mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya 2004, terutamanya di kawasan-kawasan yang mempunyai majoriti pengundi Melayu seperti di Kedah, Perlis, hampir merampas Kelantan dan menawan semula Terengganu daripada PAS. Keputusan pilihan raya ini memberi gambaran bahawa Pendekatan Islam Hadhari yang dipromosikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah berjaya menambat hati pengundi Melayu dan boleh dijadikan platform negara untuk menyatukan

masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Sebaliknya, kemerosotan undi yang dialami oleh PAS di kawasan pengundi Melayu dianggap sebagai penolakan masyarakat tersebut terhadap pendekatan Islam yang diperjuangkan dan pengundi lebih cenderung menerima idea Islam yang dipelopori oleh kerajaan.¹⁶

Kejayaan besar yang diraih oleh Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 pada tahun 2004 ini menjadi lonjakan kepada Pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berhasrat menjadikan pendekatan tersebut bagi membangun tamadun ummah dan negara mengikut perspektif Islam. Dengan hasrat ini bermakna Islam Hadhari tidak lagi menjadi semata-mata sebagai slogan politik yang bersifat pragmatik, tetapi sebaliknya menjadi agenda dalam pentadbiran. Bagi membolehkan pelaksanaannya berjalan dengan lebih terancang, pada 14 Oktober 2004 Jemaah Menteri telah memutuskan melantik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi menyelaras, memberikan penerangan, menggerak idea dan melaksanakan Islam Hadhari disemua peringkat lapisan masyarakat.¹⁷

Dari segi idealismenya, Pendekatan Islam Hadhari bermatlamat bagi mewujudkan sebuah negara dengan bangsanya yang bertamadun dan berwibawa. Pendekatannya juga bertujuan bagi menonjolkan ciri-ciri sesebuah masyarakat moden dalam usaha meningkatkan kualiti sumber insaniah yang celik teknologi dan maju dalam bidang sains. Sepuluh prinsip Islam Hadhari yang digariskan bermatlamat bagi melahirkan masyarakat Islam moden yang mampu bersaing dalam dunia yang semakin mencabar. Walaupun pendekatan ini dikaitkan dengan pembinaan tamadun umat Islam, namun prinsip yang digariskan turut memberikan ruang yang luas kepada pembelaan hak golongan minoriti dan kaum wanita. Pendekatan Islam Hadhari dianggap amat tepat pada masanya kerana pelaksanaannya dilakukan ketika umat Islam sedang diasak dengan pelbagai label dan unsur negatif selepas peristiwa 11 September 2001. Pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan di Malaysia yang bersifat moderat dianggap mampu memberikan wajah Islam yang universal yang boleh dijadikan model dan dapat diterima oleh segenap lapisan masyarakat.¹⁸ Lantaran itu, wawasan besar yang cuba dicapai oleh Pendekatan Islam Hadhari ketika mula diuar-uarkan ternyata disambut dengan penuh harapan dan akan membuka lembaran baru dari segi pendekatan Islam dengan Malaysia sebagai model.

Pendekatan Islam Hadhari dan Pilihan Raya Umum Ke-12

Bagi mendapat gambaran tentang persepsi masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia terhadap Pelaksanaan Islam Hadhari dan kaitannya dengan kekalahan yang dialami oleh Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 satu kajian kaji selidik telah dilakukan pada bulan Mei hingga Julai 2008, kira-


kira dua bulan selepas berakhirnya Pilihan Raya Umum Ke-12. Secara umumnya boleh disimpulkan bahawa daripada keseluruhan maklumat yang dikumpulkan 54.16 peratus responden menolak Pelaksanaan Islam Hadhari, manakala hanya 45.84 peratus menerimanya. Berdasarkan respons yang diberikan ternyata masyarakat Melayu masih berbelah-bagi dengan pelaksanaannya dan perkara ini turut mempengaruhi kecenderungan mengundi dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Namun begitu, peratus yang ditunjukkan juga memperlihatkan bahawa penolakan terhadap Pelaksanaan Islam Hadhari adalah tidak mutlak kerana peratus yang menerimanya secara relatif masih tinggi.¹⁹

Gambaran tentang persepsi masyarakat Melayu terhadap pelaksanaan Islam Hadhari dan hubungannya dengan kemerosotan yang dialami oleh Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 adalah hasil kaji selidik yang melibatkan seramai 3443 responden. Kajiselidik ini dilakukan disemua negeri di Semenanjung Malaysia dan membabitkan sepuluh kumpulan sasaran.²⁰ Pemilihan kumpulan sasaran ini berdasarkan kepada latar belakang mereka yang mempunyai kaitan langsung atau tidak langsung dengan pelaksanaan dasar-dasar Islam di Malaysia dan mempunyai tahap kesedaran politik yang secara relatifnya agak tinggi. Dalam soal selidik yang dibuat melalui temubual secara bersemuka yang dibuat secara berkumpulan tiga soalan khusus dikemukakan berkaitan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari dan hubungannya dengan pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kekalahan yang dialami oleh Barisan Nasional dan masa depan pelaksanaannya. Respons yang diberikan oleh responden terhadap soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

Atribut		Respons		
		Tidak Bersetuju	Tidak Pasti	Bersetuju
A1. Pendekatan Islam Hadhari hanyalah akan dilaksanakan pada zaman pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sahaja.	Bil	997	1045	1401
	%	29.0	30.4	40.7
A2. Kekalahan / Kemerosotan undi Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 adalah kerana Pendekatan Islam Hadhari.	Bil	1127	1144	1172
	%	32.7	33.2	34.0
A3. Selepas Pilihan Raya Umum Ke-12, Islam Hadhari tidak lagi relevan untuk dilaksanakan.	Bil	1103	1171	1169
	%	32.0	34.0	34.0

Jadual 1. Peratusan Responden Berdasarkan Setiap Respons Untuk Setiap Atribut

Hasil respons yang diberikan oleh responden jelas menunjukkan terdapatnya keseimbangan di antara mereka yang bersetuju dengan, tidak pasti dan tidak bersetuju dengan setiap atribut yang dikemukakan, kecuali bagi soalan bahawa Pendekatan Islam Hadhari hanya akan dilaksanakan pada zaman pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sahaja. Persepsi yang ditunjukkan memperlihatkan bahawa pendekatan ini sememangnya dikaitkan dengan beliau apabila 29 peratus responden percaya bahawa pelaksanaannya hanya akan dilaksanakan ketika pemerintahannya.



Carta 1. Peratusan Responden Berdasarkan Setiap Respons Untuk Setiap Atribut

Walaupun terdapatnya reaksi yang seimbang terhadap soalan yang berkaitan dengan hubungan kemerosotan undi yang dialami oleh Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 dan kaitannya dengan Pendekatan Islam Hadhari, namun peratus yang lebih tinggi meyakini itulah antara faktor yang turut memberikan sumbangan kepada keputusan yang berlaku. Namun begitu, jumlah peratusan yang kecil yang membezakan di antara mereka yang bersetuju dengan yang tidak bersetuju dan yang tidak pasti memberi petunjuk bahawa untuk menyatakan bahawa inilah satu-satunya faktor atau faktor paling utama mengapa kemerosotan undi berlaku, tidaklah begitu tepat. Peratus mereka yang tidak pasti terhadap kaitan antara Pelaksanaan Islam Hadhari dengan kekalahan yang dialami oleh Barisan Nasional menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai persepektif yang jelas dan muktamad bahawa faktor ini amat penting dalam menentukan keputusan pilihan raya yang lalu.

Persoalan tentang relevannya Pendekatan Islam Hadhari selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 juga menunjukkan terdapatnya perspektif yang seimbang di antara mereka yang bersetuju, tidak bersetuju dan tidak pasti terhadap masa depan pendekatan ini. Terdapatnya respons yang hampir sama di antara atribut A2 dan A3 menunjukkan bahawa responden tidak melihat bahawa Pendekatan Islam Hadhari begitu penting atau amat relevan sehingga boleh mempengaruhi perkembangan atau perubahan sikap dalam masyarakat. Berdasarkan kepada kedua-dua atribut ini jelas menunjukkan bahawa respons yang diberikan terhadap persoalan yang dikemukakan adalah tidak muktamad dan masih tertakluk kepada pelbagai interpretasi. Keputusan yang ditunjukkan oleh responden ini boleh dikaitkan dengan pandangan umum secara keseluruhan sebagaimana yang ditunjukkan di atas bahawa majoriti masyarakat Melayu berdasarkan responden yang terlibat menolak Pendekatan Islam Hadhari. Banyak faktor yang menyumbang kepada penolakan ini berdasarkan peratusan yang tinggi yang diberikan oleh responden bagi kajian yang dibuat. Ini termasuklah tidak wujud teladan yang baik ditunjukkan oleh pemimpin (73.6 peratus), Pendekatan Islam Hadhari yang tidak jelas (69.4 peratus) dan sebagainya.

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada kajian yang melibatkan 3443 responden tentang kemerosotan undi yang dialami oleh Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 menunjukkan bahawa Pendekatan Islam Hadhari bukan faktor konklusif kepada perkara yang berlaku. Ini berbeza dengan kemenangan yang dicapai oleh Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 pada tahun 2004 apabila pendekatan ini merupakan penyumbang kepada kejayaan cemerlang yang dicapai oleh parti tersebut. Walau bagaimanapun, hubungan yang boleh dikaitkan di antara kejayaan dan kemerosotan yang dialami oleh Barisan Nasional dalam kedua-dua pilihan raya ini ialah faktor kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penyumbang. Dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 gabungan kepimpinan beliau dan Pendekatan Islam Hadhari berjaya memberikan keyakinan kepada pengundi supaya memilih Barisan Nasional. Namun begitu, dalam Pilihan Raya Ke-12 krisis kepercayaan terhadap kepimpinan beliau turut mempengaruhi tahap sokongan yang diberikan. Kelemahan yang berlaku berkaitan dengan pemerintahannya dihubungkan dengan Pendekatan Islam Hadhari sehingga disimpulkan oleh sesetengah pihak sebagai faktor yang membawa kepada kemerosotan undi yang diterima oleh Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-12.

Penolakan Pelaksanaan Islam Hadhari Pasca Pilihan Raya Umum Ke-12

Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 ternyata memberikan implikasi kepada pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari berikutan prestasi buruk yang dialami oleh Barisan Nasional. Sebagai Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi yang merupakan pendukung utama pelaksanaan dasar memperlihatkan kecenderungan tidak lagi banyak berbicara tentang pelaksanaannya selepas pilihan raya jika dibandingkan sebelumnya. Walaupun ternyata bahawa Pendekatan Islam Hadhari bukan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kekalahan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 sebagaimana yang ditunjukkan oleh kajiselidik yang dilakukan. Namun begitu, terdapat suara yang kuat yang cuba mengaitkan faktor ini dengan kekalahan yang berlaku. Menurut Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, perkara ini berlaku kerana bagi golongan ini terdapat beberapa aspek tentang pendekatan Islam Hadhari ini yang dianggap tidak sesuai sehingga tidak diterima oleh rakyat.²¹

Selain itu, Ahmad Zahid juga berpendapat bahawa penolakan terhadap Pendekatan Islam Hadhari adalah disebabkan kempen-kempen yang dilakukan oleh parti pembangkang yang memutarbelitkan fakta tentang pendekatan tersebut untuk mencapai tujuan politik sehingga berjaya mencetuskan perasaan fobia dan keraguan terhadap pelaksanaannya.²² Walaupun demikian, beliau masih menaruh harapan terhadap pelaksanaan Islam Hadhari untuk terus dijadikan model pembangunan negara yang berasaskan tamadun Islam. Bagi memastikan Islam Hadhari terus relevan, beliau berpendapat pihak kerajaan perlu membuat kajian secara teliti dan terperinci terhadap pendekatan tersebut untuk mencari kaedah yang sesuai dan menyeluruh supaya dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat.²³

Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari juga berhadapan dengan masalah selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 apabila empat buah negeri iaitu Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang dikuasai oleh parti pembangkang dan Kelantan kekal diperintah PAS. Bagi negeri-negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang ini Pendekatan Islam Hadhari dilihat daripada perspektif yang negatif dan memutuskan bahawa pelaksanaannya sebagai tidak perlu. Selangor merupakan negeri pertama yang mengambil langkah drastik terhadap Pendekatan Islam Hadhari apabila mengumumkan pembebasan negeri tersebut daripada sebarang bentuk pelaksanaan program Islam yang dikaitkan dengan Islam Hadhari.²⁴ Menurut Datuk Hasan Ali yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor, pengharaman ke atas Islam Hadhari dilakukan kerana pendekatan ini tidak diperlukan. Dalam kenyataan yang dikeluarkan, beliau menegaskan bahawa ajaran Islam yang diamalkan oleh umat Islam di negeri tersebut sudah lengkap dan tidak perlu disandarkan kepada mana-mana istilah, termasuklah Hadhari sebagaimana yang dipopularkan oleh kerajaan Barisan Nasional. Beliau juga menegaskan bahawa Islam yang diamalkan sejak dahulu hingga kini adalah berteraskan Islam sebenar dan Islam inilah yang menjadi dasar pemerintahan Pakatan Rakyat di Selangor.²⁵

Setelah Selangor, Pulau Pinang pula secara terbuka mengikut jejak yang sama dengan melarang semua bentuk aktiviti yang menjurus kepada usaha mempromosikan Islam Hadhari di negeri tersebut.²⁶ Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Islam, iaitu Mohammad Fairus Khairuddin berpendapat bahawa pendekatan Islam Hadhari seolah-olah mewujudkan satu mazhab baru dalam Islam. Padahal menurut beliau, Islam sudah sempurna dan tidak perlu ditokok tambah dengan istilah yang boleh mengelirukan umat Islam di Malaysia.²⁷

Walaupun kedua-dua negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat mengambil pendirian yang tegas terhadap pendekatan Islam Hadhari, namun bagi negeri Perak dan Kedah yang juga dikuasai Pakatan Rakyat pula mengambil pendekatan yang lebih terbuka dengan tidak secara tegas mengisytiharkan pengharaman program yang mempunyai berkaitan dengan Pendekatan Islam Hadhari. Namun begitu, kedua-dua negeri ini tidak pula mengambil langkah mempertahankan pendekatan ini sebagai sebahagian daripada dasar pentadbiran negeri kerana berkeyakinan bahawa pendekatan tersebut ditolak oleh rakyat. Sebarang usaha yang menunjukkan dukungan terhadap pendekatan tersebut boleh menjejaskan kewibawaan pentadbiran baru negeri di mata penyokongnya. Di Kelantan pula, walaupun Mursyidul Am PAS yang juga merupakan Menteri Besar, iaitu Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan Pendekatan Islam Hadhari sebagai “karut dan sesat”, tetapi beliau tidak mengambil keputusan mengharamkan Islam Hadhari sebagaimana yang dilakukan di Selangor dan Pulau Pinang. Sebaliknya, Nik Abdul Aziz menggesa UMNO supaya mengikut langkah yang dilakukan oleh PAS di Kelantan dengan mentadbir kerajaan negeri mengikut landasan Islam.²⁸ Sebagai pelopor kepada Pendekatan Islam Hadhari Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga diseru supaya mengambil inisiatif menamatkan pelaksanaannya di Malaysia sebelum meninggalkan jawatan Perdana Menteri Malaysia.²⁹

Parti Politik	Negeri	Menerima (%)	Menolak (%)
Parti Pakatan Rakyat	Kedah	45.5	54.5
	Perak	41.5	58.5
	Wilayah Persekutuan Kl & Putrajaya/Selangor	45.5	54.5
	Kelantan	40.9	59.1
Keseluruhan		43.0	57.0

Jadual 2. Penerimaan dan Penolakan Pelaksanaan Islam Hadhari di Negeri-Negeri Di Bawah Pentadbiran Pakatan Rakyat

Selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 ternyata berlakunya kekeliruan terhadap Pendekatan Islam Hadhari apabila beberapa negeri, khususnya yang baru dikuasai oleh Pakatan Rakyat membuat kenyataan terbuka terhadap pelaksanaannya. Bagi negeri yang menolak pelaksanaannya, pendekatan ini dianggap mengelirukan dan wajar diketepikan. Namun begitu, sejak dilancarkan pada tahun 2004, pendekatan ini lebih merupakan satu usaha memberikan kefahaman tentang pendekatan Islam dalam pembinaan tamadun. Islam Hadhari bukan merupakan pengenalan kepada satu identiti baru dalam Islam yang boleh memesongkan akidah umat Islam di Malaysia yang telah berakar-umbi dengan pegangan mazhab dan kepercayaan Islam yang mereka anuti.

Masa Depan Pendekatan Islam Hadhari

Pengharaman Pendekatan Islam Hadhari oleh beberapa buah negeri di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat telah mencetuskan polemik di antara mereka bersetuju dengan mereka yang berpendapat sebaliknya. Kedua belah pihak saling mempertahankan pendirian masing-masing dan menolak pandangan pihak yang bertentangan. Secara umumnya, mereka yang menolak Pendekatan Islam Hadhari berpendapat bahawa pengharaman ini perlu dilakukan kerana pelaksanaannya dibuat adalah atas motif politik semata-mata. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, dalam reaksinya menyatakan bahawa pengharaman yang dilakukan oleh sesetengah negeri ini sebenarnya yang bermotifkan politik. Ini disebabkan mereka yang bertindak sedemikian tidak faham atau sengaja tidak mahu memahami bahawa Pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan sama sekali tidak bercanggah dengan ajaran Islam.³⁰

Mereka yang menyokong pengharaman ke atas Pendekatan Islam Hadhari pula berpendapat bahawa Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tidak perlu lagi ditokok tambah dengan unsur lain kerana Islam itu sendiri sudah sempurna.³¹ Selain itu, konsep dan kandungan Islam Hadhari dilihat oleh mereka yang menyokong pengharamannya sebagai tidak sesuai dalam membina tamadun bangsa dan menangani kemelut yang dihadapi oleh ummah. Pelaksanaan Islam Hadhari juga dianggap tidak dapat diterima apabila berlakunya amalan buruk dan tingkah laku yang bertentangan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh elit politik dalam kepimpinan kerajaan. Sebagai pemimpin mereka didakwa tidak menunjukkan contoh yang baik sebagai yang digariskan oleh Pendekatan Islam Hadhari.³²

Bagi mereka yang menyokong Pendekatan Islam Hadhari dan menentang pengharaman oleh beberapa buah negeri di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat berpendapat bahawa tindakan yang dilakukan ini tidak wajar dan berfikiran sempit. Yang Dipertua YADIM yang juga merupakan salah seorang tokoh pemikir di belakang pelaksanaan Islam Hadhari, iaitu Datuk Haji Mohd. Nakhaie Haji Ahmad menyifatkan pengharaman ke atas Islam

Hadhari yang dilakukan adalah pendekatan politik kurang bijak. Pada pendapat beliau, tindakan yang dilakukan oleh kerajaan di bawah Pakatan Rakyat ini seolah-olah menafikan aspek positif yang terdapat dalam pendekatannya. Beliau juga menyifatkan keputusan yang diambil sebagai satu perkembangan yang tidak sihat bagi politik negara dan orang Melayu.³³

Tindakan pengharaman pelaksanaan Islam Hadhari di negeri-negeri yang berada di bawah Pakatan rakyat juga dianggap oleh Ketua Penerangan UMNO, iaitu Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib sebagai merugikan bukan sahaja seluruh penduduk Selangor, tetapi juga kepada seluruh umat Islam kerana tindakan itu akan mengelirukan masyarakat Islam dan golongan bukan Islam. Pada pendapat beliau, ini disebabkan terdapat nilai-nilai positif yang terkandung dalam konsep Islam Hadhari yang tidak sewajarnya ditolak begitu sahaja.³⁴ Tindakan kerajaan negeri Selangor ini pula menurut ADUN Sementa, Abdul Rahman Palil sebagai tidak sesuai kerana masih banyak perkara lain yang perlu diberikan perhatian yang lebih serius dan diambil tindakan tegas. Ini termasuklah usaha membenters ajaran sesat yang semakin berleluasa dalam masyarakat. Bagi beliau pengharaman Pendekatan Islam Hadhari adalah tidak wajar kerana terdapat banyak aspek positif dalam pendekatan yang dikemukakan ini.³⁵

Parti Politik	Negeri	Ya (%)	Tidak (%)
UMNO	Negeri Sembilan	56.0	44.0
	Terengganu	65.2	34.8
	Johor	44.2	55.8
	Pahang	50.9	49.1
Keseluruhan		53.2	46.8

Jadual 3. Penerimaan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Negeri-Negeri Di Bawah Pentadbiran Barisan Nasional (UMNO)

Walaupun dengan pelbagai polemik dan tindakan yang dilakukan terhadap Pendekatan Islam hadhari, namun secara umumnya didapati bahawa maklumbalas responden terhadap kaji selidik yang dilakukan menunjukkan bahawa terdapatnya penerimaan yang agak positif terhadap pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, perkembangan berkaitan dengan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari ini agak menarik berlaku di Terengganu dan Johor. Di Terengganu, meskipun kerajaan negeri ini masih kekal berada di bawah pemerintahan Barisan Nasional, namun dalam struktur exco kerajaan negeri yang baru yang diterajui oleh menteri besar, iaitu Datuk Ahmad Said, Islam

Hadhari tidak lagi menjadi portfolio dalam jawatankuasa kerajaan negeri.³⁶ Perkembangan ini berbeza dengan yang berlaku selepas Pilihan Raya Umum 2004 apabila Terengganu di bawah pimpinan Datuk Idris Jusoh telah membentuk jawatankuasa Pembangunan Islam Hadhari Negeri. Penjenamaan semula portfolio jawatankuasa Islam ini dapat ditafsirkan sebagai satu tindakan menolak Islam Hadhari sebagai satu pendekatan untuk pembangunan Islam di negeri di bawah menteri besar yang baru. Perkembangan ini sekaligus memberikan satu isyarat yang jelas bahawa Islam Hadhari berhadapan dengan banyak penentangan dan penolakan, termasuklah di negeri-negeri yang ditadbirkan oleh kerajaan Barisan Nasional sendiri. Bagi PAS yang merupakan parti pembangkang di negeri tersebut, Pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan di negeri tersebut dianggap gagal melahirkan masyarakat yang berakhlak tinggi apabila kadar jenayah di negeri tersebut dilaporkan semakin meningkat.³⁷

Bagi negeri Johor pula, walaupun negeri tersebut ditadbirkan oleh Barisan Nasional, maklumbalas daripada kajiselidik yang dilakukan menunjukkan terdapatnya penolakan yang ketara terhadap pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari. Penolakan ini berlaku agak menyeluruh bagi semua kumpulan sasaran, kecuali bagi kumpulan guru agama dan guru j-Qaf. Jika tidak dengan sokongan positif yang diberikan oleh kumpulan sasaran ini, penolakan ke atas Pendekatan Islam Hadhari di negeri ini adalah lebih besar. Pendekatan Islam Hadhari, walaupun dengan matlamatnya yang bertujuan murni, namun pelaksanaannya tidak difahami dan banyak menimbulkan kontroversi. Walaupun dengan kontroversi yang dicituskan, namun terdapat mereka yang berpandangan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh pendekatan ini ialah salah faham dari segi penggunaan istilah, sedangkan sepuluh prinsip yang dikemukakan oleh pendekatan ini mempunyai kewibawaan yang tinggi dalam arus perdana peradaban.³⁸

Selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 Pendekatan Islam Hadhari menghadapi masa depan yang sukar ditentukan kerana kekaburannya menjadi satu bebanan yang sukar untuk dipertahankan. Pengumuman Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 8 Oktober 2008 untuk tidak mempertahankan jawatan Presiden UMNO dan seterusnya memulakan proses peralihan kuasa meletakkan Pelaksanaan Islam Hadhari sukar diramalkan apabila teraju negara dipimpin oleh Datuk Seri Najib Tun Razak. Walau bagaimanapun, dalam satu temubual ketika merasmikan Institute for Advanced Islamic Studies (IAIS) sehari setelah mengumumkan pelan peralihan kuasa, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan keyakinannya bahawa penggantinya, iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak akan meneruskan Pendekatan Islam Hadhari yang telah dipeloporinya. Keyakinannya itu berlandaskan kepada kepercayaan bahawa pendekatan tersebut telah diterima oleh masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia kerana landasannya ialah kebenaran dan dilaksanakan oleh pentadbiran serta pengurusan yang baik.³⁹

Walaupun dengan optimisme dan pengharapan yang diberikan, namun pandangan seorang pengkritik sosial terhadap Pelaksanaan Islam Hadhari yang dilaksanakan pada masa pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebenarnya merupakan sentimen yang dikongsi oleh banyak pihak:

Half a decade on, it would appear that Badawi's days are drawing to an end, and with that Islam Hadhari as well. In the years and decades to come, future historians may be kinder to Badawi who may be remembered as the man who tried to reform Malaysia but failed, and whose failure was due to the rot and inertia that had settled in the very same corridors of power that he walked. But perhaps the biggest loss for Malaysia in the long run will be the demise of Islam Hadhari as a project that was never really understood, unfairly criticised, crassly instrumentalised and ultimately cast into the dustbin as just another item in the long train of baggage left behind in the wake of Badawi's exit from power.⁴⁰

Penutup

Pendekatan Islam Hadhari dengan polemik menyokong dan menolak berhadapan dengan masa depan yang sukar diramalkan. Prestasi buruk yang dicapai oleh UMNO dan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 dan menunjukkan bahawa masyarakat Melayu memerlukan Pendekatan Islam Hadhari dikaji semula. Sebenarnya kalau dilihat dari perpektif yang menyeluruh ternyata penolakan masyarakat Melayu terhadap pendekatan ini tidak mutlak dan menyeluruh, kerana terdapat unsur dalam Pelaksanaan Islam Hadhari yang diterima baik oleh mereka. Sebagai contoh dari segi penerimaan masyarakat terhadap pengajaran j-Qaf di sekolah rendah menunjukkan masyarakat menyambut baik pelaksanaannya kerana telah memberikan manfaat yang banyak kepada generasi muda dalam penguasaan tulisan Jawi, bahasa Arab dan al-Quran.

Penolakan masyarakat terhadap "Islam Hadhari" mempunyai kaitan yang erat dengan penggunaan "Islam" dalam Islam Hadhari yang telah menimbulkan banyak kekeliruan dan polemik. Dalam konteks ini penjenamaan semula dan penyesuaian dalam pelaksanaannya boleh membantu menjayakan agenda yang bertujuan untuk memperkasakan tamadun umat Islam di Malaysia dan membantu menyelesaikan kemelut yang dihadapi oleh ummah pada hari ini. Selain itu, kejayaan usaha bagi memajukan umat Islam, yang mungkin namanya bukan "Islam Hadhari", tetapi mempunyai matlamat yang murni, memerlukan kesungguhan dalam pelaksanaannya yang melibatkan semua pihak. Untuk tujuan itu pelaksanaan agenda besar ini turut memerlukan golongan pemikir dan aktivis yang komited bagi memastikan kejayaannya.

Nota

- ¹ Walau bagaimanapun, kerajaan campuran yang diterajui oleh Dato' Seri Nizar Jamaluddin yang mewakili kerajaan Pakatan Rakyat tumbang pada 6 Februari 2009 apabila Dato' Zambry Abdul Kadir mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Perak yang ke-11 pada 6 Februari 2009 di hadapan DYMM Sultan Perak. Pelantikan Dato' Zambry sebagai menteri besar merupakan rentetan peristiwa yang bermula pada 4 Februari apabila dua orang ahli dewan undangan negeri daripada PKR dan seorang ahli dewan undangan negeri daripada DAP mengisytiharkan keluar daripada parti masing-masing dan menjadi ahli bebas, manakala Ahli Dewan Undangan Negeri Bota yang sebelumnya mengisytiharkan keluar UMNO kembali menyertai parti tersebut.
- ² Meskipun prestasi UMNO tidaklah begitu buruk (memperoleh 78 kerusi parlimen, terbesar di antara semua parti yang bertanding) jika dibandingkan dengan parti komponen lain yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 ini, namun itu tidak melepaskan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi daripada tanggungjawab yang membawa kepada kekalahan Barisan Nasional kerana kedudukannya sebagai pengerusi gabungan empat belas parti komponen. Beliau turut didesak supaya berundur dan di antara tokoh yang kuat mendesak dengan cara terbuka supaya beliau meletak jawatan ialah bekas Perdana Menteri, iaitu Tun Dr Mahathir Mohammad dan bekas setiausaha agung UMNO, iaitu Sanusi Junid. Kedua-dua tidak berganjak daripada desakan ini dan meletakkan faktor kekalahan ini di atas kelemahan pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi sehingga bertindak keluar dari UMNO dan hanya akan kembali menyertai parti tersebut apabila beliau berundur dari jawatan perdana menteri.. Lihat sanusi Junid, "UMNO pupus tahun 2013, Jika Abdullah Masih PM", http://www.harakahdaily.net/bm/index.php/terbaik-dari-harakah/index.php?option=com_content&task=view&id=14730&Itemid=85.
- ³ Tidak jauh berbeza dengan nasib yang dialami oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting juga menghadapi tekanan hebat dari dalam parti supaya berundur. Walaupun Ong Ka Ting berjaya mempertahankan kerusi parlimen yang ditandinginya dan MCA memperoleh 15 kerusi berbanding 31 pada pilihan raya tahun 2004, namun kermerosotan kerusi yang dialami oleh parti tersebut dipersalahkan kepada kepimpinan parti tersebut. Lihat Chok Suat Ling, "Chinese Vent their Frustration", *New Sunday Times*, 9 Mac 2008, hlm. 8.
- ⁴ MIC merupakan parti yang paling teruk mengalami kemerosotan prestasinya dalam pilihan raya ke-12 apabila hanya berjaya mendapatkan 3 kerusi berbanding 9 pada pilihan raya pada tahun 2004. Dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 Presiden MIC iaitu Datuk S. Samy Vellu turut tewas untuk pertama kalinya sejak bertanding pada tahun 1974 di kawasan parlimen Sungai Siput. Turut tewas ialah hampir kesemua pemimpin kanan parti tersebut.. Isu Hindraf yang melahirkan laungan keramat 'makal sakthi' menjadi faktor utama kepada kekalahan yang dialami oleh calon-calon MIC yang kini dianggap sudah tidak lagi memberikan keutamaan kepada menjaga kepentingan orang India. Lihat, Megandran Rajagopal, "Makal Sakthi Tenggelam Khidmat MIC", *Berita Harian*, 10 Mac 2008, hlm. 10.
- ⁵ Parti Gerakan juga tewas teruk dalam pilihan raya ke-12 apabila Pulau Pinang yang diterajui sejak tahun 1969 jatuh ke tangan DAP. Parti tersebut juga hanya berjaya mengekalkan tiga kerusi parlimen dan kesemuanya di luar pengkalannya di Pulau Pinang. Sebagai mengambil tanggungjawab di atas kekalahan teruk yang dialami,

pemangku presiden Gerakan Tan Sri Koh Tsu Koon menawarkan diri untuk meletakkan jawatan, tetapi permohonannya ditolak kerana beliau tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya di atas kekalahan ini disebabkan baru sahaja memangku jawatan tersebut. Lihat, <http://www.malaysiakini.com/news/79502>, "Tsu Koon Offers To Quit Gerakan Chief", tt.

- ⁶ Perkembangan politik yang berlaku selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 merubah dengan pesat lanskap politik Malaysia dan perubahan ini berterusan dengan perkembangan politik yang berlaku seterusnya. Berikutan desakan dari dalam parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersetuju mengundur diri dari kerajaan pada pertengahan tahun 2010 bagi memberi laluan kepada Dato' Seri Najib Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia. Namun begitu berikutan kekalahan teruk yang dialami dalam Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh pada 26 Ogos 2008, proses peralihan kuasa ini dipercepatkan kepada bulan Mac 2009.
- ⁷ Lihat, "It's Pakatan Rakyat", *The Star* 2 April 2008.
- ⁸ Antara contoh gerakan agresif ini ialah usaha mereka mendekati ahli parlimen Barisan Nasional supaya melompat ke barisan pembangkang. Isu ini kemudian menjadi isu nasional yang mencetuskan polemik di media perdana dan mengundang perdebatan yang hangat di kalangan kedua-dua kumpulan parti politik itu. Salah satu hasil daripada isu lompat parti ini kemudian menjelma disalah sebuah parti komponen BN, iaitu SAPP, yang membuat keputusan untuk mengemukakan undi tidak percaya kepada perdana menteri. Keputusan SAPP ini dapat dilihat sebagai isyarat awal wujudnya kemungkinan berlakunya lompat parti oleh anggota parti komponen BN ke barisan Pakatan Rakyat. Tentang isu ini, lihat, Suhaini Aznam, "Bold Gamble for Sabahans", *The Star*, 19 Jun 2008, hlm, N8.
- ⁹ Dalam Pilihan Raya Umum ke-10 pada tahun 1999, PAS Terengganu berjaya memenangi 28 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 8 kerusi Parlimen. Dalam pilihan raya ini Barisan Nasional hanya berjaya memenangi 4 kerusi Dewan Undangan Negeri dan gagal memenangi sebarang kerusi Parlimen.
- ¹⁰ "Islam Hadhari Faktor Kekalahan BN?" http://buletinonline.net/index.php?option=com_content&task=view.
- ¹¹ Pada awalnya, Islam Hadhari diperkenalkan sebagai satu konsep tentang ketamadunan Islam. Bagaimanapun, setelah dipertikaikan dari segi bahasa, sejarah, fokus dan strategi pengisian oleh banyak pihak, konsep ini diubah menjadi pendekatan. Lihat Wan Nik Wan Yussof dan Asma' Husna Sulaiman, *Islam dalam Politik Malaysia: Satu Kritikan terhadap Islam Hadhari*. Kota Bharu: Centre for Political Analysis and Strategic Development, 2006, hlm. 140.
- ¹² Untuk analisis tentang perdebatan tentang Islam Hadhari dan Hadharah Islamiah, lihat Ab Halim el-Muhammady, "Hadharah Islamiah dan Islam Hadhari: Satu Penilaian dalam Konteks Umat Islam di Malaysia", dalam Shahrudin Badaruddin, et al, (pnyt). *Gerakan Islam antara Dua Paradoks*. Kajang: ABIM, 2006.
- ¹³ Abdullah Ahmad Badawi. *Islam Hadhari Approach: Towards A Progressive Islamic Civilisation*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007, hlm, xv.
- ¹⁴ Khadijah Md. Khalid. "Voting for change? Islam and personalized politics in the 2004 general elections", dalam Terence Gomez, Edmund. (pnyt). 2007. *Politics in Malaysia: The Malay dimension*. London: Routledge, 2007, hlm. 139.

- ¹⁵ Asmah Husna., *Peranan Islam dalam Politik Malaysia: Satu Analisis Peranan UMNO dan PAS*. Projek Sarjana. Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 92.
- ¹⁶ Edmund Terence Gomez. (pnyt). 2007. *Politics in Malaysia*, hlm. 8-15.
- ¹⁷ Selain JAKIM, agensi-agensi kerajaan yang dilantik sebagai penggerak Islam Hadhari mengikut kumpulan sasaran masing-masing termasuklah Pejabat Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri (sasarannya, sektor swasta), JASA (parti politik), JAPIM (guru dan pelajar), Jabatan Pengajian Tinggi (institusi tinggi awam dan swasta), KAGAT (warga tentera), IKIM (masyarakat bukan Islam) dan YADIM (Badan Bukan Kerajaan). Lihat Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-agensi Kerajaan. <http://www.islam.gov.my/portal/pdf/islamhadhari.pdf> , 13 Mei 2008.
- ¹⁸ Lihat ucapan Perdana Menteri Malaysia dalam pertemuan dengan OIC Commission of Eminent Persons di Hotel Marriot, Putrajaya pada 27 January 2005, dalam Abdullah Ahmad Badawi, *Islam Hadhari*, hlm. 10.
- ¹⁹ Lihat Mohammad Redzuan Othman, "Persepsi Terhadap Islam Hadhari dan Kekalahan Barisan Nasional Dalam Pilihan Raya Umum Ke-12", dlm. Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib dan Abdul Kadir Roslin, Shah Prosiding Seminar Politik Malaysia. Lanskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Ke-12, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2008, hlm. 448.
- ²⁰ Kumpulan sasaran ini terdiri daripada anggota parti politik, badan bukan kerajaan, agensi agama, institusi Islam, guru agama dan j-Qaf, guru akademik, pensyarah IPTA dan IPTA kakitangan kerajaan (bukan agensi agama) dan lain-lain.
- ²¹ "Islam Hadhari Faktor Kekalahan BN?" http://buletinonline.net/index.php?option=com_content&task=view
- ²² "Islam Hadhari Punca Kekalahan Besar BN". *Harakah*. 10-25 Jamadil Awal 1429 /16-31 Mei 2008, hlm. 34.
- ²³ "Kenapa Fobia dengan Islam Hadhari?" http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0508&pub=utusan_malaysia&sec=parlimen&pg=pa_11.htm&arc=hive.
- ²⁴ Selangor Haramkan Program berkonsep Islam Hadhari". http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0527&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_09.htm&arc=hive,
- ²⁵ "Selangor Haramkan Islam Hadhari- Dr Hasan Ali" http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com_content&task.
- ²⁶ "Pulau Pinang Haramkan Islam Hadhari". <http://www.malaysiakini.com/print.php?c=news&id=83486>.
- ²⁷ "Pulau Pinang Haramkan Islam Hadhari". <http://www.malaysiakini.com/print.php?c=news&id=83486>.
- ²⁸ Lihat, "Islam Hadhari Karut - Tok Guru Nik Aziz" , http://buletinonline.net/index.php?option=com_content&task=view&id=1346&Itemid=32
- ²⁹ Lihat, "Pak Lah Could Not Take The Garbage Out, Please?" , <http://rpckybru.com.my>, 10 Oktober 2008.
- ³⁰ Utusan Malaysia, 28 Mei 2008.
- ³¹ "Kelantan Sudah Lama Tolak Konsep Islam Hadhari" http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com_content&task=.

- ³² Bakri Musa. "His Hollowness The Imam of Islam Hadhari". <http://blog.limkitsiang.com/2007/10/22/his-hollowness-the-imam-of-islam-hadhari>.
- ³³ "Politik Naif Kerajaan Campuran Selangor", http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0528&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_07.htm&arc=hive.
- ³⁴ "Larangan Islam Hadhari Kelirukan Rakyat". http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0529&pub=utusan_malaysia&sec=muka%5Fhadapan&pg=mh_09.htm&arc=hive.
- ³⁵ "Move to Reject Islam Hadhari Inappropriate". <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2008/5/28/nation/21380&sec=nation>.
- ³⁶ Lihat, "Mad Said Umum Portfolio Exco- Jawatankuasa Islam Hadhari Tiada". http://buletinonline.net/index2.php?option=com_content&task=view.
- ³⁷ Lihat Khairul Azlam Mohamad, "Konsep Hadhari, Ulu Albab Gagal?", *Fikrah Harakah*, 22-25 September 2008. Menurut kajian yang dibuat oleh akhbar Harakah, didapati keseluruhannya di negeri Terengganu kadar jenayah yang melibatkan jenayah kekerasan dan harta benda telah berlaku peningkatan sebanyak 14.9 peratus. Sehingga akhir bulan Mei 2008 sahaja terdapat sebanyak 335 kes jenayah kekerasan dan 2441 kes jenayah yang membabitkan harta benda. Jumlah ini mencatatkan peningkatan berbanding keseluruhan pada tahun 2007 yang berjumlah 303 kes jenayah kekerasan dan 2128 yang membabitkan harta benda.
- ³⁸ Lihat, temubual dengan Dr. Mohammad Hashim Kamali "Pluralism and the Hadhari Concept" *New Straits Times*, 8 October 2008.
- ³⁹ Lihat, "Shahanaz Habib, "PM to Look into Conversion, Other Issues", The Star Online, 9 October 2008.
- ⁴⁰ Lihat Farish A. Noor, "Rest in Peace, Islam Hadari", <http://blog.limkitsiang.com/2008/10/08/rest-in-peace-islam-hadari/>